






Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1963](#) > [December](#) > [26](#) > [Page 5](#) > [Petani2 tuntutan janji MB](#)



Petani2 tuntutan janji MB

Berita Harian, 26 December 1963, Page 5

Share    



Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

Petani2 tuntutan janji MB

KAJANG, Rabu


SA-RAMAI 85 orang penduduk di-Ranchangan Kemajuan Tanah Sungai Merab Kajang telah melayu beramai2 kepada Menteri Besar Selangor untuk melanjutkan lagi wang bantuan bulanan mereka seperti yang pernah di-janjikan oleh Dato' Abu Bakar Baginda sendiri.

Inche' Yahya bin Othman ahli jawatankuasa kampung ini telah memberitahu Berita Harian bahawa sa-ramai 85 keluarga dari mukim Kajang telah mengerjakan tanah di-dini di-bawah Ranchangan Kemajuan Tanah Negeri Selangor.


Inche' Yahya juga menerangkan pada hari lalu penduduk kampung ini telah menerima wang bantuan bulanan \$20 sa-bulan sahaja. Walau bantuan kepada orang2 yang mengerjakan tanah baharu ini.

di - bawah ranchangan pembangunan L u a r Bandar.






Tetapi wang bantuan ini telah di-berhentikan oleh kerajaan pada bulan June yang lalu dengan alasan penduduk2 di-sini telah menerima wang bantuan sa-lama sa-tahun.




Menurut Inche' Yahya lagi kerana wang bantuan itu tidak di-terima lagi oleh penduduk2 di-sini telah kesulitan mereka yang mengerjakan tanah baharu ini telah bertambah.

Inche' Yahya juga menerangkan bahawa keluarga yang tinggal di-kampung ini sebanyak sa-kurang2-nya empat orang anak yang bersekolah.



Mata pencharian penduduk2 di-sini sa-lain mengerjakan tanah ialah mengambil upah menoreh getah di-datet2 yang berhampiran dengan kampung Sungai Merab ini.



Menurut Inche' Yahya lagi pada bulan October yang lalu Menteri Besar Belangor Dato' Abu Bakar Baginda serta ahli2 jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah Ulu Langat telah datang di-kampung ini untuk menyalasat kesulitan2 penduduk2 kampung ini.

Di-dalam perjumpaan dengan orang2 kampung Dato' Abu Bakar Baginda di-katakan telah berjanji akan meneruskan lagi wang bantuan itu kepada penduduk2 kampung ini dengan sa-chepat mungkin.

Tetapi wang bantuan itu belum di-terima oleh penduduk2 kampung ini.

